




SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN


SIARAN AKHBAR COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 17 Syawal 1444 / 08 Mei 2023

1. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan di mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 978 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 668 kes sehari. Sebanyak 40,796 keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 16.6% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.

7 day average of daily COVID-19 cases



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **satu kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan **tujuh kes** di dalam Kategori 4 yakni yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sehingga kelmarin, 07 Mei 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.2%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **12.1%** juga telah mendapatkan dos keempat.

2. Pada hari ini, sebanyak **817 kes baru** telah dilaporkan iaitu 815 adalah daripada hasil ujian ART dan 2 kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Di kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kenyataan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada hari Jumaat, 5 Mei 2023 iaitu mengenai hasil Mesyuarat ke 15 *International Health Regulations (IHR) Emergency Committee* yang berlangsung pada 4 Mei 2023 di mana jangkitan COVID-19 **tidak lagi dikategorikan** sebagai *Public Health Emergency of International Concern (PHEIC)*. Ini bermakna pihak WHO tidak lagi menganggap situasi jangkitan tersebut sebagai satu kecemasan global.
4. Sebelum mencapai keputusan tersebut, pihak WHO bersama-sama dengan *IHR Emergency Committee* telah bersidang dan meneliti tren penurunan kematian kes-kes COVID-19 dan kemasukan kes-kes COVID-19 ke hospital, serta tahap imuniti penduduk yang tinggi terhadap virus SARS-CoV-2. Selain itu, walaupun virus berkenaan terus melalui evolusi dan menerbitkan varian-varian baru, namun varian-varian yang ada sekarang tidak dikaitkan dengan

keadaan kes-kes yang teruk. Berikutan dengan ini, pihak WHO menyarankan bagi pengurusan jangkitan COVID-19 diintegrasikan ke dalam pengawalan dan pengurusan jangka masa panjang penyakit-penyakit berjangkit iaitu sebagai satu isu kesihatan yang rutin. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak lagi akan mengongsikan maklumat-maklumat berkaitan dengan COVID-19 kepada orang ramai bermula esok, hari Selasa, 9 Mei 2023. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi jangkitan COVID-19 sebagai sebahagian daripada pemantauan berterusan penyakit-penyakit berjangkit di negara ini dan akan memaklumkan sebarang perkembangan mengenai mana-mana penyakit berjangkit kepada orang ramai mengikut keperluan semasa.

5. Sementara itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk terus mengamalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul. Mereka yang berumur 18 tahun ke atas, khususnya penghidap penyakit kronik dan warga emas adalah juga digalakkan untuk mendapatkan suntikan dos penggalak vaksin (dari jenis bivalent vaccine). Dos penggalak boleh diperolehi 6 bulan dari dos terakhir atau jangkitan COVID-19, tertakluk kepada yang mana lebih kemudian.

6. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 17 Syawal 1444H / 08 Mei 2023